

# CORTISONE CREAM

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Hydrocortisone Acetate (1 % w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cortisone Cream
2. Bagaimana Cortisone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cortisone Cream
4. Cara menggunakan Cortisone Cream
5. Semasa menggunakan Cortisone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cortisone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cortisone Cream

Untuk melegakan keradangan kulit dan kegatalan yang memberi tindak balas terhadap kortikosteroid.

## Bagaimana Cortisone Cream berfungsi

Hydrocortisone akan menghasilkan tindakan anti-keradangan dan anti-alergi pada kulit.

## Sebelum menggunakan Cortisone Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Cortisone Cream jika:

- Anda mempunyai sejarah reaksi sensitiviti kepada Hydrocortisone atau kortikosteroid topikal lain.
- Jangkitan bakteria atau jangkitan kulat dan penyakit-penyakit virus, seperti herpes simplex.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan gunakan Cortisone Cream jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Ia tidak boleh digunakan pada wanita mengandung dalam jumlah yang besar atau untuk jangka masa yang lama.

Jangan gunakan Cortisone Cream jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan Cortisone Cream

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan yang lain.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Urea boleh meningkatkan penyerapan kortikosteroid dan ini perlu diingat, terutamanya apabila rawatan jangka panjang dipertimbangkan.

## Cara menggunakan Cortisone Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan krim secara nipis di kawasan yang terjejas.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Gunakan 1-3 kali sehari. Penggunaan sekali atau dua kali sehari sering dilaksanakan dan berkesan. Walau bagaimanapun, kekerapan penggunaan perlu ditentukan mengikut keterangan keadaan manakala kes-kes ringan mungkin bertindak balas dengan penggunaan sekali sehari, kes-kes yang lebih teruk mungkin memerlukan sapuan yang lebih kerap.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Cortisone Cream untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan kortikosteroid topikal yang berpanjangan dan berlebihan boleh menekan fungsi pituitari adrenal yang menyebabkan kekurangan adrenal sekunder.

## Semasa menggunakan Cortisone Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cortisone Cream

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Cortisone Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan perlu dihentikan jika iritasi atau peningkatan respon terjadi dengan penggunaan krim. Penyerapan kortikosteroid topikal meningkat jika permukaan ruang badan yang luas dirawat atau jika teknik balutan digunakan. Langkah berjaga-jaga yang sesuai perlu diambil semasa keadaan ini atau apabila penggunaan jangka panjang diperlukan, terutamanya di kalangan bayi dan kanak-kanak.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Cortisone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Reaksi advers kulit yang dilaporkan dengan penggunaan kortikosteroid topikal, terutamanya dengan balutan, termasuk pedih, gatal-gatal, iritasi, kekeringan kulit, keradangan folikel rambut, pertumbuhan rambut tidak normal, letusan jerawat, pencerahan kulit, kulit menjadi lembut dan rosak, lebam kecil di sekeliling mulut, alahan keradangan kulit, jangkitan sekunder, penipisan kulit, tanda regangan dan ruam panas.

# CORTISONE CREAM

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Hydrocortisone Acetate (1 % w/w)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Cortisone Cream

#### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat yang kering di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih dengan wangi semulajadi.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hydrocortisone Acetate

- Bahan tidak aktif

White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Cetomacrogol 1000, Cetostearyl Alcohol, Chlorocresol, Deionized Water.

#### - Nombor MAL

MAL19910181AZ

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

16/07/2018

## Nombor Siri:

NPRA(R4/1)100718/00187